



## **Idrus Harun dilantik semula sebagai Peguam Negara**

Oleh Rafidah Mat Ruzki - Mac 3, 2023 @ 10:20am  
fidahruzki@bh.com.my

PUTRAJAYA: Tan Sri Idrus Harun dilantik semula sebagai Peguam Negara berkuatkuasa Isnin depan.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata pelantikan semula Idrus selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Beliau berkata, lantikan semula itu adalah untuk tempoh enam bulan.

"Adalah dimaklumkan bahawa selaras dengan Fasal (1) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sudah memperkenankan pelantikan semula Tan Sri Idrus Harun sebagai Peguam Negara untuk tempoh enam bulan berkuat kuasa mulai 6 Mac 2023," katanya dalam satu kenyataan media, hari ini.

Idrus sebelum ini adalah bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, dilantik sebagai Peguam Negara dengan kontrak dua tahun bermula 6 Mac 2020.

Beliau kemudian dilantik semula ke jawatan berkenaan pada 6 Mac tahun lalu untuk tempoh setahun lagi.

Idrus sebelum ini pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Jabatan Peguam Negara, penasihat undang-undang di Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Peguam Cara Negara dan Hakim Mahkamah Rayuan.

Pelantikan beliau sebelum ini bagi menggantikan Tan Sri Tommy Thomas, yang meletak jawatan pada 28 Februari 2020, selepas Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad menghantar surat peletakan jawatannya kepada Yang di-Pertuan Agong, susulan kerajaan Pakatan Harapan (PH) tumbang.